




# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(No. Syarikat 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) sebagai pemaju projek dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. MRT Corp. ingin mempelawa bakal Pembida untuk mengambil bahagian dalam RFP bagi pakej perkhidmatan perunding yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN RFP		HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)
	SYARIKAT TEMPATAN	SYARIKAT ASING		
<b>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</b>  <b>REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR INDEPENDENT VERIFICATION &amp; VALIDATION (IV&amp;V) CONSULTANT FOR RECONDITION OF MRT KAJANG LINE ELECTRIC TRAIN</b>  <b>RFP NO.: RFP/PD/Q44-2023</b>	Memiliki sijil pendaftaran yang sah daripada:  <b>a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</b>  Dan  <b>b) Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) di bawah Engineering Consultant Practice (ECP)</b>	Memiliki Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.	<b>Softcopy</b> lengkap Dokumen RFP  <b>RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh)</b> sahaja  dalam bentuk <b>Deraf Bank/ Banker's Cheque</b>  Pembayaran boleh dibuat kepada:- <b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd</b>	Tarikh : <b>Rabu, 18 Oktober 2023</b> Masa : <b>10.30 pagi (Waktu Malaysia)</b> Lokasi : <b>Aplikasi Zoom (Dalam Talian)</b>  Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua Pembida dikehendaki melengkapkan pra-pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah: 1. Laman Web MRT Corp. <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ; 2. <a href="https://forms.gle/baZ4HoN6LppCBCVP6">https://forms.gle/baZ4HoN6LppCBCVP6</a> ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.    Proses pra-pendaftaran akan bermula pada <b>Isnin, 2 Oktober 2023 sehingga Isnin, 16 Oktober 2023</b> . Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel mengandungi Zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara atas talian.

### KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)

- Pembida hendaklah mempunyai pengalaman seperti berikut:
  - Perkhidmatan perunding di dalam projek sistem rel, luar atau dalam Malaysia dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM4 juta dalam tempoh 15 tahun yang lalu; dan
  - Perkhidmatan perunding berkaitan dengan kerja-kerja membaik pulih dan pengubahsuaian tren elektrik (ET)
- Pengalaman yang dikemukakan sama ada:
  - Untuk entiti tunggal – Pembida atau Sub-Perunding Pakar yang telah dilantik; atau
  - Untuk Rakan Usaha Sama (JV)/Konsortium – sekurang-kurangnya satu syarikat di dalam JV/Konsortium

### KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)

- Pembida mestilah memiliki aset ketara bersih (*Net Tangible Asset*) yang positif di dalam penyata kewangan terkini yang telah diaudit.

Pembelian Dokumen RFP boleh dibuat bermula dari **18 Oktober 2023 sehingga 3 November 2023** di lokasi dan masa seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<b>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</b> Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 8:30 pagi – 12:30 tengah hari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 8:30 pagi – 12:30 tengah hari dan 3:00 petang – 5:30 petang

Pembayaran untuk pembelian Dokumen RFP hendaklah dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* dengan jumlah amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.**, dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **MRT Corp., Jabatan Perolehan (Kaunter Tender)** tidak lewat dari jam **12:00 tengah hari, Jumaat, 17 November 2023**. Sebarang kelewatan dalam menyerahkan Dokumen RFP tidak akan diterima.

#### Nota:

- Pembida adalah dibenarkan untuk menubuhkan tidak lebih daripada dua (2) syarikat JV/Konsortium. Syarikat asing dibenarkan untuk menyertai RFP ini dengan membentuk rakan JV/Konsortium bersama syarikat tempatan dengan syarat ekuiti rakan syarikat tempatan di dalam JV/Konsortium adalah tidak kurang daripada 51%.
- Rakan kongsi utama JV/Konsortium hendaklah merupakan sebuah syarikat tempatan dan memegang ekuiti terbesar di dalam JV/Konsortium tersebut.
- Sesebuah syarikat hanya boleh ditakrifkan sebagai syarikat tempatan sekiranya 70% (atau lebih) saham adalah dimiliki oleh warganegara Malaysia.
- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti syarikat atau JV/Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan secara JV/Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian JV/Konsortium. Perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan JV/Konsortium dan juga klausa "*Jointly and Severally Liable*" ke atas semua rakan JV/Konsortium tersebut. Pembida dilarang untuk menukar rakan kongsi JV/Konsortium selepas tarikh tutup penyerahan RFP.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Maklumat lanjut mengenai MRT Corp., boleh dilayari di laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my).